

Headline	FRIM jadi tapak warisan dunia		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	26 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	582 cm ²
Journalist	HADIAB. MANAP	AdValue	RM 13,112
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,336



FRIM jadi tapak warisan dunia

Oleh HADI AB. MANAP
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 NOV.

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sedang dalam usaha untuk memperoleh pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia daripada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menjelang Julai 2019 nanti.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, proses pencalonan telah dilakukan pada Julai tahun lalu dan kini pihaknya sedang bertungkus-lumus menyediakan dokumen berkaitan bagi merealisasikan impiannya.

"Seandainya FRIM berjaya dinobatkan sebagai salah satu tapak warisan dunia di Malaysia, ia bermakna kejayaan untuk semua pihak yang terlibat dalam perkara ini. Akhbar *Utusan Malaysia* juga merupakan sebahagian daripadanya."

Seandainya FRIM berjaya dinobatkan sebagai salah satu tapak warisan dunia di Malaysia, ia bermakna kejayaan untuk semua pihak yang terlibat dalam perkara ini. Akhbar *Utusan Malaysia* juga merupakan sebahagian daripadanya."

ABD. LATIF MOHMOD
 Ketua Pengarah FRIM

nya.

"Hal ini kerana, *Utusan Malaysia* terutama melalui Meja Sains dan Teknologinya banyak membantu FRIM menyiarkan pelbagai laporan berkaitan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai perhutanan kepada masyarakat.

"Perkara ini penting dalam menentukan hala tuju sains dan teknologi negara khususnya melibatkan alam sekitar," katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sempena sambutan Hari Keluarga Kelab Editorial Utusan di Tapak Perkelahan Sungai Kroh, FRIM dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Pengarang Utusan Malaysia merangkap Pengerusi Kelab Editorial Utusan, Datuk Zulkefli Hamzah dan Penolong Pengarang Utusan Malaysia, Rozaman Ismail.

Tambah Abd. Latif lagi, *Utusan Malaysia* boleh disifatkan sebagai juara dalam perjuangan menyebarkan pemikiran masyarakat dengan perkongsian maklumat R&D di negara ini.

"Walaupun pengaruh media cetak mengalami sedikit penurunan akibat kemunculan media baharu seperti laman sosial, peranan *Utusan Malaysia* masih teguh untuk mendidik

masyarakat terutama golongan muda dengan bahan ilmiah.

"Penyebaran berita palsu yang dibawa oleh media sosial amat membimbangkan dan ia perlu dikawal kerana platform berkenaan lebih banyak menyajikan bahan bersifat sensasi daripada realiti," jelasnya.

Dalam pada itu, seponon pokok Giam Lintah Bukit atau nama saintifiknya *Hopea Helferi* telah ditanam oleh Abdul Aziz sambil disaksikan Abd. Latif, Zulkefli dan Rozaman sebagai simbolik penghargaan di atas hubungan baik yang terjalin antara kedua-dua pihak.

Turut diadakan pelbagai aktiviti menarik seperti sukaneka untuk kanak-kanak dan *amazing race*.

Wartawan Meja Am, Mohamad Hafiz Yusoff Bakri dan wartawan Meja Suplemen, Mohd. Azraie Md. Yusof yang menamakan kumpulan mereka sebagai *Kamikaze* berjaya muncul juara dalam acara *amazing race* dengan menewaskan 15 kumpulan lain.



ABDUL LATIF MOHMOD (tengah) dan Abdul Aziz Ishak bersama sebahagian ahli Kelab Editorial Utusan sempena penganjuran hari keluarga kelab itu di Tapak Perkelahan Sungai Kroh, FRIM, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/HALIM KHALID